



Seminar Gejala ATS & HIV/AIDS MPP IPT 2008

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis dan PEMADAM Kebangsaan telah menganjurkan Seminar Gejala Amphetamine Type Stimulan (ATS) dan HIV/AIDS Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPT 2008. Program seperti ini yang julung kalinya diadakan di UniMAP khususnya negeri Perlis sebagai penganjur telah berlangsung dengan jayanya bermula 14 hingga 16 Februari 2008 yang lalu bertempat di sekitar kampus UniMAP dan daerah Padang Besar.



Bertemakan "Mahasiswa Perangi Dadah dan HIV/AIDS Habis-habisan!", seramai hampir 700 peserta yang terdiri daripada MPP, pemimpin-pemimpin mahasiswa dan Pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) sekitar negeri Perlis telah terlibat dalam program ini. Kesemua IPTA yang terlibat ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Darul Iman (UDM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM) dan tuan rumah sendiri UniMAP. UniMAP turut berasa bangga dan amat berbesar hati apabila terdapat beberapa IPTS dan IPT sekitar negeri Perlis yang turut memberikan sokongan dalam program ini. IPTS yang terlibat ialah Universiti Teknologi Petronas (UTP), Perak dan Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kedah. IPT Perlis pula diwakili oleh Institut

Kemahiran Malaysia (IKM) Beseri, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Pauh, Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIP), Institut Perguruan Perlis dan Kolej Komuniti Arau. Program ini dimulai dengan sesi pendaftaran yang bermula pada 14 Februari di Kolej Kediaman Tun Ghafar Baba, Seberang Ramai dan Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani, Wang Ulu. Sesi Taklimat Pengurusan dan Ucapan Aluan oleh Dato' Prof. Jamaludin Mohaiadin, Pengarah Unit Pembangunan Lestari merangkap Pengerusi Program telah diadakan pada malam tersebut bertempat di Dewan Terbuka Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani, Wang Ulu. Antara kandungan ucapan Dato' Prof. Jamaludin Mohaiadin, beliau menekankan betapa pentingnya program ini dianjurkan dan peranan MPP sebagai agen pencegahan dadah. Beliau turut mengalu-alukan kedatangan peserta-peserta kerana telah berjaya melapangkan diri untuk menyertai program ini. Di samping itu, semangat para peserta disemarakkan lagi dengan sesi dialog bersama ikon anti dadah bagi program ini iaitu Saudara Nazmizan Mohamed dan Saudari Norseela Mohammed Khalid yang merupakan jaguh sukan olahraga negara dan juga merupakan staf UniMAP. Dalam sesi dialog tersebut, kedua-dua atlet negara menceritakan pengalaman dan kejayaan mereka sebagai seorang atlet sukan serta tips berguna kepada peserta sebagai panduan supaya tidak terlibat dengan gejala dadah. Seminar Gejala ATS dan HIV/AIDS MPP IPT 2008 diteruskan pada hari berikutnya, 15 Februari bertempat di Dewan Kapitol UniMAP.



Sesi seminar bermula dengan ceramah oleh Prof. Dr. Mahmood Nazar Mohammad iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Beliau telah menyampaikan ceramah bertajuk "Apa Itu ATS dan Impaknya kepada Masyarakat". Dalam sesi ceramah beliau, para peserta diberikan pendedahan berkenaan apa itu Amphetamine Type Stimulan (ATS) kerana masih terdapat mahasiswa yang masih tidak mengenali dadah jenis ini dan bahaya serta kesan-kesannya kepada diri dan masyarakat. Ini adalah kerana dadah jenis ATS ini seperti pil kuda dan syabu adalah merupakan dadah yang kian popular di kalangan generasi muda pada masakini.


Pihak penganjur amat berbesar hati apabila Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin merangkap Timbalan Yang Dipertua PEMADAM Kebangsaan turut turun padang untuk berkongsi dengan para peserta berkenaan pengalaman beliau dalam usaha membanteras gejala dadah dan HIV/AIDS. Adalah menjadi harapan beliau agar semua peserta untuk terus berjuang berperanan sebagai individu yang membanteras permasalahan dadah ini di kampus masing-masing. Selepas ucapan penuh makna Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, sesi ceramah diteruskan lagi oleh Prof. Dr. Rusli Ismail daripada USM Kubang Krian Kelantan bertajuk HIV/AIDS. Dalam sesi ceramah tersebut, para peserta diperlengkapkan lagi dengan informasi berkenaan definisi HIV/AIDS dan statistik terkini pembawa dan penghidap HIV/AIDS di Malaysia. Sesi ceramah begitu hangat dengan pelbagai isu dan persoalan yang telah dibangkitkan kepada penceramah oleh peserta-peserta seminar yang sentiasa bersikap proaktif dalam sesi soal jawab.



Satu sesi dialog bertajuk "Mahasiswa Teras Pembangunan Negara" yang telah dibarisi oleh panel handalan iaitu Tuan Hj. Huzili Hussin, UniMAP dan pejuang anti dadah terkenal iaitu Tuan Hj. Mohd Yunus Pathi Mohamad daripada Presiden Persatuan Pengasih Malaysia. Ahli-ahli panel yang begitu berpengalaman dalam membanteras gejala dadah telah berbincang idea dan memberikan pandangan serta tips membina kepada peserta sebagai mahasiswa dalam isu memerangi gejala dadah di peringkat IPT masing-masing. Selain sesi ceramah, seminar diserikan lagi dengan pameran pencegahan dadah oleh pihak Jabatan Narkotik PDRM, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan PEMADAM Perlis.

Bertempat di Dewan Warisan Kargar, satu sesi rakaman Rancangan Televisyen Malaysia (RTM) iaitu forum "Bicara Siswa" telah diadakan tepat jam 3.45 petang pada hari yang sama. Forum Bicara Siswa kali ini berkupaskan pada tajuk "Dadah dan Mahasiswa" >>>ms10





“Mahasiswa Perangi Dadah dan HIV/AIDS Habis-habisan!”

>>> Bertepatan dengan tema program yang diadakan. Ahli panel bagi forum pada kali ini ialah Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP, Saudara Afandy Sutrisno Tanjung, Yang Dipertua MPP UM dan Saudara Mohd Alwie Mohd Saiful juga Yang Dipertua MPP UniMAP. Forum telah dikendalikan oleh moderator daripada RTM iaitu Saudara Hezri Rahil Hillaluddin.



Majlis Perasmian Penutupan dan Makan Malam telah dianjurkan dengan penuh gilang-gemilang bertempat di Dewan 2020 Kangar. Upacara perasmian telah disempurnakan oleh Datuk Dr. Zulkefli A. Hasan, Ketua Setiausaha KPT mewakili Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Majlis Makan Malam meraikan peserta-peserta seminar ini diserikan dengan acara kemuncak iaitu penyerahan Resolusi Seminar Gejala ATS dan HIV/AIDS Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPT kepada pihak KPT yang telah diketuai oleh Saudara Mohd Alwie Mohd Saiful, YDP MPP UniMAP. Terdapat lapan gagasan resolusi yang telah dipersetujui sebulat suara oleh peserta-peserta seminar untuk diserahkan kepada Kerajaan Malaysia melalui KPT. Antara isi kandungan resolusi tersebut ialah Mahasiswa berjuang habis-habisan dalam kapasiti sebagai mahasiswa IPT bagi merealisasikan hasrat kerajaan Negara Bebas Dadah 2015; Permohonan kepada pihak KPT meminta Kerajaan Malaysia menimbang untuk penubuhan Unit Pendidikan Pencegahan Dadah di setiap IPT bagi penyelarasan program pendidikan pencegahan dadah; Memohon agar pihak KPT memantau penubuhan Kelab PEMADAM di IPT agar lebih dinamis dan proaktif dalam merencanakan program pendidikan pencegahan dadah; dan lain-lain lagi.

Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan gimik yang menarik dan unik oleh Artis Budaya UniMAP, Indrasutra dan Unit Multimedia UniMAP. Persembahan yang berkonsepkan kombinasi televideo dan pantomin ini mengisahkan bagaimana kesengsaraan sebagai seorang penagih dadah dan impaknya kepada diri, keluarga dan seterusnya

masyarakat. Kesinambungan televideo adalah persembahan pantomin yang begitu menghiburkan dan menginsafkan. Sinopsis persembahan tersebut mengisahkan konflik ke syurga atau neraka yang dialami oleh penagih dadah tersebut sebelum menemui ajalnya. Namun begitu atas segala kemungkaran yang telah dilakukan, olehnya, penagih tersebut telah dimasukkan ke neraka di saat kematiannya. Antara tetamu-tetamu kehormat yang hadir ialah Datuk Dr. Zulkefli A. Hasan, Ketua Setiausaha KPT, Datin Noridah Nachara Hamat, Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP, Pegawai-pegawai Tertinggi UniMAP, Wakil-wakil Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) IPTA, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP. Sebelum majlis berakhir, semua peserta seminar dan tetamu yang hadir telah diberikan cenderahati terinai, hasil produk negeri Perlis yang telah disumbangkan oleh YAB Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis sebagai ole-ole untuk dibawa pulang ke IPT masing-masing.

Buat julung kalinya juga, karnival bersempena dengan seminar iaitu Karnival Mahasiswa Perangi Dadah dan HIV/AIDS Habis-habisan! telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Padang Sek. Men. Keb. Padang Besar (U). Seramai hampir 3000 mahasiswa yang merangkumi peserta-peserta seminar, mahasiswa IPT, peserta jalan kaki lasak 7 Pillars UniMAP dan Ahli-ahli Badan Beruniform PALAPES, SUKSIS dan Pandu Puteri turut terlibat dalam karnival ini. Acara karnival dimulakan dengan program Senamrobik beramai-ramai yang telah diketuai oleh Y. Bhg. Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dan seterusnya Majlis Perasmian Karnival. Upacara perasmian karnival telah disempurnakan oleh Y.B Tuan Haji Musa Hassan, Pegawai Kewangan Negeri mewakili YAB Menteri Besar Perlis. Gimik perasmian dimeriahkan lagi dengan upacara pelepasan peserta-peserta Program Jalan Kaki Lasak 7 Pillars seramai hampir 1500 orang pelajar. Peserta-peserta telah berjalan kaki melalui sekitar kawasan Padang Besar merangkumi Kampung Kolam dan Felda Rimba Mas sambil membuat edaran poster dan risalah kepada masyarakat di sekitar kampung-kampung terlibat dan akan menamatkan perjalanan di Tapak Karnival. Pelbagai pengisian program lain telah diadakan seperti Kempen Edaran Poster dan Risalah Dadah & HIV/AIDS, Sukaneka, Pertandingan Melukis “Poster dan Banner”, Pameran dan Demonstrasi, Kaunter Pendaftaran Kelab PEMADAM, Kuiz, Klinik Olahraga bersama Saudara Nazmizan Mohamad dan Norseela Khalid, Ikon Anti Dadah UniMAP, Persembahan Kebudayaan, Konvoi Bermotosikal dan lain-lain lagi. Kempen Edaran Poster dan Risalah HIV/AIDS telah

dijalankan di tiga zon berlainan di sekitar daerah Padang Besar iaitu Tapak Karnival, Kompleks Padang Besar dan Pusat Serenti Bukit Chabang. Kempen edaran poster dan risalah ini amat menyeronokkan dan unik bagi para peserta dan memberikan impak berkesan dalam kempen memerangi dadah. Kira-kira sebanyak lebih 2000 nashkah poster dan risalah yang telah ditaja oleh pihak AADK, PEMADAM, AIDS Council dan Jabatan Kesihatan telah berjaya diedarkan dalam kempen ini. Di samping itu, mahasiswa dapat beramah-mesra dengan para penduduk dan masyarakat di sekitar daerah Padang Besar khususnya Kompleks Padang Besar serta berinteraksi dan menjadi contoh dan ikon yang baik kepada masyarakat tempatan dalam usaha membanteras gejala dadah ini.

Upacara Penutupan Karnival telah disempurnakan dengan rasminya kira-kira jam 5.00 petang oleh Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP. Antara tetamu lain yang hadir ialah Y. Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP, Ketua Polis Daerah Padang Besar, Ketua Polis Daerah Kangar, Pengetua Sek. Men. Keb. Padang Besar (U) dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP. Program diteruskan lagi pada sebelah malam dengan tayangan filem amal “Anak Halal” di Dewan Kapitol UniMAP.



Apa yang diharapkan melalui pengisian program ini yang berbentuk seminar, kempen, ramah mesra bersama masyarakat, acara penyerahan resolusi dan tayangan filem sebagai medium pendidikan pencegahan dadah ini dapat mendedahkan kepada pemimpin dan perwakilan pelajar khususnya MPP dan warga kampus akan bahaya gejala dadah khususnya jenis ATS dan memberi kesedaran tentang impaknya kepada diri, keluarga dan masyarakat. Melalui program ini adalah diharapkan misi “Mahasiswa Bebas Dadah 2010” dapat direalisasikan di samping mempertingkatkan jaringan hubungan silaturahim antara MPP IPTA dalam usaha murni menangani masalah gejala sosial di dalam kampus. MAHASISWA PERANGI DADAH & HIV/AIDS HABIS-HABISAN!

Disediakan oleh : Ismiza Noris Ismail